

Potensi dan Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia *Potential and Challenges in Islamic Tourism in Malaysia*

Haliza Abdul Rahman^{1,2}

ABSTRAK

Pelancongan Islam merupakan salah satu produk pelancongan baru yang telah wujud dan diperkenalkan bukan sahaja di Malaysia malah di kebanyakan negara Islam secara meluas. Tren pelancongan Islam kini dilihat semakin berkembang secara pantas yang mana permintaan dan penawaran terhadap pelancongan ini meningkat dari semasa ke semasa. Malaysia memiliki potensi yang besar untuk dijadikan sebagai destinasi pilihan pelancongan Islam di peringkat antarabangsa. Pada tahun 2015 sahaja, hampir seorang daripada setiap empat orang pelancong ke Malaysia ialah pelancong Islam yang mana keseluruhannya negara menerima kemasukan 5.2 bilion pelancong Islam. Negara telah diiktiraf sebagai destinasi popular pelancongan Islam daripada aspek kesesuaian destinasi dan keperluan percutian keluarga, kemudahan dan perkhidmatan untuk pelancong Islam. Justeru, objektif utama kajian ini adalah untuk melihat potensi dan cabaran dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang berpotensi menawarkan produk pelancongan berteraskan Islam. Kajian ini menggunakan data-data sekunder yang berkaitan dengan tajuk kajian yang diambil daripada pelbagai sumber seperti jurnal, buku, prosiding dan sebagainya. Dapatan kajian menunjukkan Malaysia memang mempunyai potensi untuk mengembangkan pelancongan berteraskan Islam, namun, strategi dan pemasaran produk pelancongan Islam harus diberi perhatian jika Malaysia ingin mengungguli sebagai negara teratas dalam menawarkan dan menarik pelancong menikmati produk berteraskan pelancongan Islam ke negara ini.

Kata kunci: *Pelancongan Islam, potensi, syariah, muslim, pelancong*

ABSTRACT

Islamic tourism is one of the new tourism products that have been introduced and introduced not only in Malaysia but also in most Islamic countries. Islamic tourism trends are now seen growing rapidly as demand and supply of travel increases from time to time. Malaysia has a great potential to be the preferred destination of international tourism. In 2015 alone, almost one out of every four tourists to Malaysia are Muslim tourists whose entire country receives 5.2 billion Muslim tourists. The country has been recognized as a popular Islamic tourism destination in terms of suitability of destination and family holiday needs, facilities and services for Muslim tourists. Hence, the main objective of this study is to look into the potential and challenges in making Malaysia a potentially Islamic tourism product offering center. This study uses secondary data that relates to research topics taken from various sources such as journals, books, proceedings and so on. The findings show that Malaysia has the potential to develop Islamic-based tourism, however, the strategy and marketing of

¹ Haliza Abdul Rahman, PhD, Jabatan Kesihatan Persekitaran & Pekerjaan, Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan, UPM,

² Institut Pengajian Sains Sosial, UPM, dr.haliza@upm.edu.my

Islamic tourism products should be addressed if Malaysia wants to be the top in offering and attracting tourists to enjoy Islamic tourism-based products to the country.

Key words: *Islamic tourism, potential, shariah, Muslim, tourist*

Pengenalan

Tren terkini menunjukkan jumlah pelancong dalam negeri dan antarabangsa semakin meningkat, malah, beberapa buah negara di dunia kini memajukan sektor pelancongan sebagai sektor utama yang menjana pendapatan negara (Inskeep, 1996). Menurut Kim (2002), pelancongan berpotensi dalam memberi impak yang positif kepada pembangunan ekonomi yang boleh membawa kepada peningkatan pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Di Malaysia, pada tahun 2015 sahaja, sumbangan industri pelancongan dianggarkan meningkat sebanyak 117% dan menyumbang pendapatan sebanyak RM115 bilion serta menyediakan 2 juta peluang pekerjaan (Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani 2016). Pada tahun 2017, Malaysia menduduki tangga ke-12 sebagai negara paling banyak dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia. Justeru, menjelang tahun 2020, Malaysia menasak untuk menarik 36 juta pelancong yang akan memberikan pulangan sebanyak RM 168 bilion (Utusan Malaysia, 12 Oktober 2017).

Umumnya, terdapat pelbagai kategori pelancongan, antaranya ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan kesihatan, pelancongan yang berkonsepkan mesyuarat, persidangan, pameran (MICE), pelancongan budaya, pelancongan pendidikan dan pelancongan Islam. Pelancongan Islam merupakan salah satu produk pelancongan baru yang telah wujud dan diperkenalkan bukan sahaja di Malaysia malah di kebanyakan negara Islam secara meluas. Negara-negara Islam merupakan salah satu destinasi yang sering menjadi perhatian pelancong ketika ini berikutan berkembangnya permintaan terhadap perjalanan pelancongan yang menitikberatkan ciri-ciri Islam. Rentetan itu, tren pelancongan Islam kini dilihat semakin berkembang secara pantas yang mana permintaan dan penawaran terhadap pelancongan ini sering meningkat dari semasa ke semasa (Lina dan Hairul, 2012).

Islamic Tourism Centre (ITC) (2009), mendefinisikan pelancongan Islam sebagai “apa jua aktiviti, acara, pengalaman, atau kelonggaran yang dijalankan dalam keadaan perjalanan yang patuh dengan ajaran Islam, bertujuan untuk mengalami pengalaman cara kehidupan Islam dan mengeksplorasi sejarah, seni, budaya dan warisan Islam”. Menurut Jabil et al (2015) pula, pelancongan Islam melibatkan perjalanan seseorang keluar daripada rumah untuk masa yang singkat tetapi tidak kurang daripada 24 jam dengan tujuan dan niat yang berlandaskan falsafah Islam serta destinasi yang dituju ada kaitan dengan program serta tarikan pelancongan yang mematuhi syariat dan bersifat Islamik. Pelancongan Islam tidak hanya terhad kepada pelancongan berbentuk motivasi agama semata-mata tetapi merangkumi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam (Shakiri 2006).

Daripada 38 buah negara Islam yang terlibat secara serius dalam pembangunan sektor pelancongan, hanya 10 negara yang benar-benar memberikan impak dan sumbangan yang besar di peringkat global iaitu Turki, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Mesir, Maghribi, Indonesia, Arab Saudi, Lubnan, Tunisia, Syria dan Malaysia. Sehubungan itu, Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota OIC, jelas cemerlang apabila menduduki tempat kedua selepas Turki sama ada daripada segi bilangan ketibaan pelancong mahupun hasil yang dijana dari sektor pelancongan.

Malaysia juga merupakan antara negara yang paling aktif di rantau Asia Tenggara dalam mencari peluang untuk membangunkan pelancongan Islam diikuti dengan Singapura (Henderson, 2010). Pada tahun 2008 misalnya, Malaysia mencatatkan hampir 22 juta orang pelancong atau 16% daripada keseluruhan bilangan pelancong dalam kalangan negara Islam (Jabil et al, 2015). Pada tahun 2015 pula, hampir seorang daripada setiap empat orang pelancong ke Malaysia adalah pelancong Islam yang mana keseluruhannya negara menerima kemasukan 5.2 bilion pelancong Islam (Berita Harian, 26 Julai 2016).

Abdul Ghani (2013) menyatakan, Malaysia merupakan destinasi utama pelancongan Islam yang mana kedatangan pelancong Muslim menunjukkan peningkatan. Statistik pelancongan Malaysia menunjukkan 21.75 peratus daripada 25 juta pelancong asing yang melawat Malaysia pada tahun 2012 terdiri daripada pelancong Muslim (ITC 2012). Ini menunjukkan negara Malaysia mempunyai potensi yang cukup besar ke arah mempromosi pelancongan Islam. Rentetan itu, kerajaan telah memberikan memberi komitmen yang tinggi dalam membangunkan industri pelancongan negara. Perkara ini dapat dibuktikan dengan peningkatan peruntukan setiap tahun oleh kerajaan untuk pembangunan pelancongan (Jadual 1).

Jadual 1: Peruntukan Dana Pembangunan Pelancongan Malaysia

BIL.	RANCANGAN MALAYSIA 5 TAHUN	PERUNTUKAN (Juta)
1	Rancangan Malaysia Pertama (1965-1970)	Tiada peruntukan
2	Rancangan Malaysia Ke-2 (1971-1975)	RM 8.59
3	Rancangan Malaysia Ke-3 (1976-1980)	RM 27.19
4	Rancangan Malaysia ke-4 (1981-1985)	RM 40.00
5	Rancangan Malaysia ke-5 (1986-1990)	RM 140.00
6	Rancangan Malaysia Ke-6 (1991-1995)	RM 533.90
7	Rancangan Malaysia Ke-7 (1996-2000)	RM 605.50
8	Rancangan Malaysia Ke-8 (2001-2005)	RM 1009.00
9	Rancangan Malaysia Ke-9 (2006-2010)	RM 1847.90

Sumber : Azizan (2010) & Rancangan Malaysia

Rentetan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk melihat potensi dan cabaran dalam menjadikan Malaysia sebagai negara yang berpotensi menawarkan produk pelancongan berteraskan Islam.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini menggunakan data-data sekunder yang berkaitan dengan tajuk kajian yang diambil daripada pelbagai sumber seperti jurnal, buku, prosiding dan sebagainya.

KAJIAN LITERATUR

i) Ciri-Ciri Pelancongan Islam

Pelancongan Islam mempunyai karakteristik tersendiri iaitu fleksibel, rasional, mudah dan seimbang (Laderlah et al., 2011). Henderson (2003) menyatakan bahawa, perjalanan pelancongan Islam bermula apabila umat Islam melakukan perjalanan ke Mekah bagi menunaikan Haji atau Umrah selaras dengan tuntutan rukun Islam yang kelima. Islam menggalakkan umatnya untuk mengembara bagi membolehkan mereka menghargai ciptaan

Tuhan, mengeratkan silaturahmi dan menimba ilmu seperti yang telah termaktub dalam ayat Al-Quran, Surah Al-Ankabut, ayat 20 yang bermaksud "*Mengembaralah kamu di muka bumi, serta lihatlah bagaimana Allah akan memulakan ciptaan itu semula (pada hari akhirat) dalam bentuk kejadian yang baru*". Firman Allah SWT lagi; "*Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segenap penjurunya dan makanlah sebahagian daripada rezeki-Nya.*"(surah al-Mulk:15).

Dalam Islam, pelancongan merupakan satu ibadah yang mana ia perlu dilakukan dengan niat yang baik dan mengelak daripada melakukan perkara yang dilarang. ITC (2012) menjelaskan bahawa, pelancongan Islam merupakan satu segmen dalam aliran industri pelancongan utama yang mempunyai ciri-ciri tambahan iaitu mengambil kira prinsip syariah sebagai panduan. Ia bermakna setiap aktiviti atau rancangan yang diadakan haruslah dijalankan bersesuaian untuk umat Islam atau erti kata lain berlandaskan syariah.

Maka, untuk memastikan pelancongan adalah berlandaskan falsafah Islam, niat atau tujuan perjalanan adalah mustahak yang mana ianya perlu dilakukan dengan niat yang betul dan dilaksanakan mengikut syariat Islam. Natijahnya, konsep pelancongan Islam tidak boleh hanya dijustifikasikan sewenang-wenangnya. Ia haruslah mencakupi semua jenis pelancongan yang bertujuan menghormati serta menghargai prinsip-prinsip keagamaan, menjejaki tamadun lama dan warisannya, melawat bandar dan negara untuk mengenalinya, berehat atau untuk tujuan rekreasi dan rawatan (Noor Shakirah, 2010).

Menurut Bhuiyan et al. (2011), tujuan melancong dalam Islam adalah untuk melakukan perjalanan kerana mencari keredhaan Allah dan sebagai rekreasi untuk diri. Selain itu, pelancongan Islam dilihat sebagai salah satu aktiviti yang dilakukan secara sengaja dengan tujuan menghargai keindahan ciptaan tuhan melalui pemerhatian terhadap tanda, sejarah dan tarikan buatan manusia yang merupakan hadiah paling besar dari tuhan (Din, 1989). Berbeza dengan negara bukan Muslim, Malaysia dan kebanyakan negara Muslim lain telah dianugerahkan keindahan ciptaan alam semula jadi yang berperanan penting untuk menarik lebih ramai pelancong (Laderlah et al., 2011).

Suatu aspek yang penting dalam membincangkan tentang konsep pelancongan Islam adalah, perbezaannya yang ketara berbanding pelancongan komersial. Pada umumnya, pelancongan komersial lebih mengutamakan keuntungan serta kepuasan pelanggan berbanding pelancongan Islam yang meletakkan keredhaan Allah S.W.T sebagai matlamat utama (Graburn, 1977). Justeru, terdapat beberapa perkara sepanjang tempoh perjalanan berkenaan yang harus dijaga agar tidak melanggar syariat Islam, antaranya tidak meninggalkan solat, bertanggungjawab terhadap penjagaan persekitaran kawasan yang dilawati, memastikan makanan yang dimakan adalah halal, memakai pakaian yang menutup aurat, menggunakan sumber yang halal untuk segala perbelanjaan perjalanan dan melakukan aktiviti yang tidak bertentangan dengan syiar Islam di sepanjang tempoh perjalanan tersebut (Noor Shakirah, 2010). Oleh yang demikian, budaya kehidupan masyarakat Islam dapat diketengahkan dengan wujudnya pelancongan Islam (Al-Harmaneh, 2012).

Daripada segi penginapan pula, hotel dan resort yang berkonsepkan Islam adalah destinasi pilihan pelancong beragama Islam. Maka, seharusnya resort Islamik yang dimiliki dan dibiayai oleh institusi kewangan Islam adalah berkonsepkan bebas alkohol, tiada aktiviti dalaman seperti disko dan kelab malam, pengasingan mengikut gender di tempat aktiviti sukan, pakaian yang menutup aurat, kemudahan tempat solat dan program hiburan berunsurkan Islam. Kebanyakan elemen daripada konsep ini telah diterapkan dalam bidang

pelancongan domestik di negara seperti Arab Saudi dan Iran. Di Barat pula, wujud respon yang positif terhadap keprihatinan tentang keperluan pelancong beragama Islam dengan menyediakan informasi tentang lokasi masjid dan makanan halal (Okhovat, 2010) bagi tujuan menarik pengunjung beragama Islam.

Ringkasnya, pengembaraan dan pelancongan dalam Islam adalah aktiviti yang mempunyai tujuan serta matlamat akhir yang ingin dicapai iaitu dari segi fizikal, sosial dan matlamat spiritual / kerohanian. Ia jauh berbeza dengan konsep pelancongan menurut perspektif Barat yang menjadikan hedonism sebagai asas dalam mencapai matlamat untuk menjayakan pelancongan menerusi 4's (sun, sea, sand dan sex). Sebaliknya, Islam melihat pelancongan sebagai suatu bentuk penghayatan dan pemikiran dalam mencari keredhaan Allah S.W.T. Justeru, alkohol, pelacuran, pergaulan bebas di antara lelaki dan perempuan, perjudian dan seumpamanya adalah dilarang dalam Islam (Kadir, 1989).

ii) Faktor Yang Menarik Kedatangan Pelancong Islam Ke Malaysia

Maka, membudayakan nilai Islam dalam pelancongan merupakan perkara penting yang harus ditekankan pada masa kini selaras dengan hasrat untuk menarik lebih ramai pelancong Islam. Usaha ini diharapkan dapat memberikan imej sebenar masyarakat Islam yang penuh dengan nilai-nilai positif seperti berdisplin, bersopan santun, ramah, prihatin, penyayang dan suka membantu (Salasiah dan Razaleigh, 2010).

Di Malaysia, pelancongan Islam dilihat sebagai salah satu produk pelancongan yang berpotensi untuk berkembang dan semakin mendapat permintaan ramai termasuklah daripada pelancong domestik mahupun antarabangsa. Penyumbang utama terhadap peningkatan bilangan dan kemasukan pelancong adalah disebabkan suasana pelancongan di Malaysia yang mesra Islam. Malaysia menjadi tumpuan pelancong Islam dari serata dunia dan dikenali sebagai destinasi percutian yang popular kerana imejnya sebagai sebuah negara Islam selain aman dan pesat membangun.

Pelancongan Islam di Malaysia semakin berkembang dengan wujudnya *Islamic Tourism Centre (ITC)* yang ditubuhkan pada tahun 2009 yang mana organisasi ini merupakan salah sebuah organisasi di bawah penyeliaan Kementerian Pelancongan yang bertanggungjawab untuk membangun dan mempromosi produk pelancongan Islam di Malaysia (Lina dan Hairul, 2012). ITC telah melantik satu badan perunding khas untuk membangunkan strategi pembangunan Islam di Malaysia di mana rangka kerja ini akan disiapkan dalam masa enam bulan bermula April 2012 yang mana pelan pembangunan strategik ini akan digunapakai sehingga tahun 2020. Pelan pembangunan pelancongan Islam ini akan diwujudkan bagi menyelaraskan dan meningkatkan penambahbaikan terhadap selaras dengan objektif untuk meningkatkan jumlah pelancong ke Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pelopor hab pelancongan Islam (Lina dan Hairul, 2012).

Justeru, tidak menghairankan apabila selama 6 tahun berturut-turut (2011-2016), Malaysia menduduki tempat pertama sebagai destinasi terbaik dunia dari segi pelancongan Islam. Negara telah diiktiraf sebagai destinasi popular pelancongan Islam daripada aspek kesesuaian destinasi dan keperluan percutian keluarga, kemudahan dan perkhidmatan untuk pelancong Islam. Aspek lain yang menjadi tarikan pelancong Islam mengunjungi negara ini termasuklah ketersediaan keperluan utama kepada pengembara Muslim, seperti penyediaan surau, sejadah, penanda arah kiblat di hotel dan tempat penginapan serta Hentian Rawat dan

Rehat (R&R). Justeru, kerajaan menyasarkan jumlah kedatangan pelancong Islam sebanyak 5.5 juta berbanding 5.2 juta sebelum ini (Berita Harian, 26 Julai 2016).

Faktor utama yang melonjakkan nama Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong Islam adalah kemudahan daripada segi mendapatkan sumber makanan halal yang disahkan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hal ini sangat penting bagi pelancong muslim kerana, mendapatkan makanan halal merupakan salah satu perkara wajib yang perlu dilakukan oleh seorang Muslim tidak kira di mana jua mereka berada.

Bagi menarik kunjungan pelancong Islam, pelbagai produk lain yang sedikit sebanyak bercirikan Islam haruslah diketengahkan. Umpamanya lawatan ke bangunan masjid lama dan baharu, pusat pentadbiran Islam seperti Pusat Islam, Pusat Pungutan Zakat, Lembaga Tabung Haji, bank Islam, Mahkamah Syariah dan sebagainya harus diketengahkan. Selanjutnya, dari masa ke semasa, penganjuran pelbagai acara berasaskan Islam seperti pertandingan membaca al-Quran, pertandingan Dai' dan Imam Muda, Pusat Kajian Kesarjanaan Islam, Pusat Teras Pendidikan Islam Antarabangsa dan sebagainya harus dipergiatkan. Dengan memperbanyakkan acara berasaskan Islam ini, ia akan menarik lebih ramai warga Muslim dari luar tertumpu ke Malaysia dan ini pasti merangsang pembangunan produk pelancongan Islam di negara ini.

Tidak terkecuali dalam konteks menyediakan perkhidmatan ini adalah membangunkan perkhidmatan kemudahan perubatan Islam. Kemudahan perubatan Islam merujuk kepada yang berasaskan al-Quran dan as-sunah serta perubatan model iaitu hospital yang operasinya mengikut tata cara syariat Islam (Berita Harian, 29 September 2017). Kerajaan telah mula menitikberatkan pelancongan perubatan termasuk perubatan berlandaskan Islam sebagai salah satu cara diversifikasi ekonomi dalam industri kesihatan dan pelancongan semasa krisis kewangan Asia muncul pada 1997. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775) misalnya telah memasukkan pengubatan Islam sebagai perubatan komplementari yang diberi pengiktirafan untuk diamalkan dan diberi ruang di beberapa hospital moden. Perubatan moden dan Islam seharusnya saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain yang mana kedua-dua cabang ini mempunyai kebaikannya yang tersendiri. Justeru, pelancong khususnya pelancong Islam seharusnya diberikan peluang untuk menikmati kebaikan daripada kedua-dua jenis perubatan ini.

Keprihatinan negara dalam menerapkan elemen dan seni bina Islam dalam pembangunan prasarannya turut menjadi faktor minat pelancong untuk berkunjung ke Malaysia (Jabil et al, 2015). Bagi menarik lebih ramai pelancong beragama Islam produk pelancongan berasaskan keagamaan dan kepercayaan boleh diketengahkan. Pelancongan motif keagamaan sebenarnya bukan suatu yang baharu dalam kalangan masyarakat. Pelancongan keagamaan dan kepercayaan, telah berkembang sejak ribuan tahun dahulu ketika berkembangnya penyebaran agama Islam. Para mubaligh berhijrah dari satu negara atau destinasi ke tempat lain dalam usaha menyebarkan agama. Mereka mengadakan perjalanan kerana dakwah (bermotifkan penyebaran agama). Semasa penghijrahan dan penyebaran agama ini terdapat tinggalan yang masih terdapat sehingga kini (Norlida Hanim, 2016).

Konsep pelancongan agama yang ada pada masa kini agak berbeza dengan pelancongan agama pada masa dahulu. Dahulu masyarakat berjalan (melancong) kerana menyebarkan agama. Namun, pada masa kini masyarakat berjalan kerana ingin melihat tinggalan agama. Dalam konteks Malaysia, sungguhpun tidak banyak tinggalan mubaligh Islam yang ditemui, namun, binaan-binaan yang wujud pada hari ini boleh dijadikan produk

tarikan pelancong dari sudut agama dan kepercayaan. Bagi orang Islam, binaan bercirikan reka bentuk masjid atau masjid sebagai tempat beribadah sememangnya banyak terdapat di Malaysia. Terdapat lebih 5,000 buah masjid di seluruh Malaysia, dengan beberapa masjid utama sememangnya sangat menarik perhatian dan kunjungan pelancong. Antaranya Masjid Jamek dan Masjid Negara di Kuala Lumpur, Masjid Putrajaya dan Masjid Besi Sultan Mizan Zainal Abidin (Putrajaya), Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Selangor), Masjid Negeri Sultan Abu Bakar (Johor), Masjid Zahir/Zahrah (Kedah), Masjid Tengku Tengah Zaharah (Terengganu) dan beberapa masjid lain. Replika masjid dari beberapa negara terkenal di dunia yang terdapat di Taman Tamadun Islam (TTI) Terengganu tidak terkecuali sangat menarik perhatian pelancong. Mengunjungi taman ini seperti langkah pertama sebelum memulakan perjalanan ke destinasi pelancongan yang berasaskan lawatan ke masjid-masjid lain di hampir seluruh dunia (Norlida Hanim, 2016).

Malaysia juga berpotensi menawarkan pakej yang berlainan daripada yang ditawarkan oleh negara Islam yang lain bagi mengenengahkan pelancongan Islam, yang mana pelancong boleh melihat dan mengutip pengalaman dengan melihat budaya masyarakat Islam negara ini menyambut Ramadan, peluang iftar (berbuka puasa) dan terlibat dalam persiapan merayakan perayaan seperti Hari Raya Haji dan Hari Raya Puasa. Ini termasuklah pengalaman menganyam ketupat, membakar lemang, mengacau dodol, membakar kuih bahulu dan sebagainya. Pelancong juga boleh melihat dengan lebih dekat lagi acara-acara istimewa yang disambut oleh masyarakat Islam di Malaysia seperti majlis aqiqah dan korban, majlis khatam Al-Quran dan Sambutan Maulidur Rasul. Semua ini antara produk-produk yang boleh menarik pelancong Islam melawat negara ini.

Kepelbagaian faktor yang wujud di Malaysia dalam menarik pelancong muslim melancong ke negara ini telah menyebabkan Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) berusaha keras untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan Islam nombor satu di dunia. Selaras dengan itu, pihak kerajaan dan swasta telah mewujudkan program-program yang dirancang rapi untuk menjayakan pelancongan Islam secara lebih meluas, antaranya dengan menganjurkan acara peringkat antarabangsa seperti Persidangan Antarabangsa Pakej Pelancongan, Haji dan Umrah Muslim 2008 (InConTHU'08), *World Islamic Tourism Mart* (WITM) 2012, *Islamic Fashion Festival* (IFF), *International Halal Showcase* 2011 dan *Regional Seminar on Islamic Tourism* (ReSIT) 2012. Selain itu, penubuhan hotel yang berkonsepkan syariah dan proses pembinaan *Islamic Heritage Trail* di sekitar kawasan Kuala Lumpur merupakan usaha-usaha yang patut diberi sokongan oleh semua pihak. Pengiklanan secara dalam talian yang berkonsepkan Islam juga telah diberi perhatian apabila pengusaha-pengusaha pelancongan telah mula memasukkan elemen-elemen pelancongan Islam seperti waktu solat, rangkaian makanan halal dan petua perjalanan Muslim dan bukan Muslim selaras dengan permintaan pelancong semasa (Hashim et al., 2007).

Pada masa kini, pelancongan Islam mula berganjak ke suatu dimensi yang berbeza dengan penganjuran festival, forum dan persidangan antarabangsa. Ia adalah suatu platform yang mempertemukan bukan sahaja orang Islam tetapi yang bukan Islam untuk berkongsi idea, profesionalisme, intelektual, kepakaran dan pengetahuan tentang ajaran dan prinsip Islam. Sebagai contoh, penganjuran *International Islamic Tourism Conference & Travel Mart* 2010 di Kuala Lumpur, Malaysia yang turut melibatkan penyertaan orang bukan Islam dalam persidangan yang membincangkan tentang isu dan pembangunan pelancongan Islam di samping menyertai pameran sekaligus mengetahui tentang konsep pengeluaran, bentuk dan strategi pemasaran produk halal di peringkat domestik dan antarabangsa (Jabil et al, 2015).

Pasaran pelancongan Islam global dianggarkan bernilai RM453.3 bilion pada tahun 2013, dan dijangka meningkat kepada RM647.6 bilion pada tahun 2020. Oleh itu, usaha mempromosi Malaysia sebagai destinasi mesra Muslim haruslah terus dipergiat untuk merebut potensi pasaran yang semakin meningkat. Standard Perkhidmatan Hospitaliti Mesra Muslim (MFHS)5 yang baru dibangunkan telah menetapkan standard kualiti bagi penginapan, pakej perjalanan dan pemandu pelancong yang boleh dijadikan panduan kepada peserta industri tempatan untuk memelihara integriti produk dan perkhidmatan pelancongan Islam. Hal ini akan membantu untuk mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan mesra Muslim utama dunia (http://whc.hdcglobal.com/cms_hdcglobal/RMK11_Kertas_Strategi_18.pdf).

Cabaran Dalam Memajukan Pelancongan Islam Di Malaysia

Setiap industri mempunyai halangan dan cabarannya yang tersendiri. Industri pelancongan di Malaysia juga turut tidak terkecuali. Umumnya, Malaysia memiliki potensi yang besar untuk dijadikan sebagai destinasi pilihan pelancongan Islam di peringkat antarabangsa. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9, usaha bersepadu dipacu ke arah merealisasikan potensi industri pelancongan bagi meningkatkan sumbangannya kepada sektor perkhidmatan secara khusus dan ekonomi secara keseluruhannya. Dalam memastikan industri pelancongan negara terus berdaya saing dan berada di landasan yang tepat sebagai sebahagian daripada sektor pemacu ekonomi negara, pelbagai bentuk sistem sokongan dan langkah – langkah proaktif telah dirangka dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan disokong oleh pihak swasta.

Antara tindakan proaktif kerajaan bagi merencanakan sektor pelancongan negara adalah dengan mewartakan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia, 2020 yang memberi penekanan kepada pelancongan di peringkat negara, negeri dan wilayah. Dalam Rancangan Malaysia Ke – 10 (RMK - 10) iaitu perancangan untuk tahun 2010 hingga 2015, kerajaan telah memberikan fokus khusus terhadap industri pelancongan dengan sasaran utama adalah untuk memperbaiki kedudukan Malaysia agar menjadi antara 10 negara teratas di dunia dari segi pendapatan pelancongan global.

Oleh yang demikian, beberapa strategi utama telah dirangka dengan tumpuan akan diberikan untuk menarik lebih ramai pelancong berbelanja tinggi dan memperluas pasaran daripada negara yang mempunyai pertumbuhan tinggi seperti Timur tengah. Kerajaan juga telah menambahbaik produk pelancongan melalui pembangunan kluster pelancongan berfokus yang akan memanfaatkan produk pelancongan sedia ada dan produk pelancongan ikonik baru. Contohnya, Langkawi (Geopark dan Taman Laut Pulau Payar), Pulau Pinang (Bandaraya George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO), Sabah (Pulau Sipadan dan Taman Kinabalu Tapak Warisan Dunia UNESCO) dan Sarawak (Kampung Budaya Sarawak dan Taman Negara Gunung Mulu Tapak Warisan Dunia UNESCO).

Untuk meningkatkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi pelancongan utama, kerajaan telah memperuntukkan RM858 juta bagi pelaksanaan pelbagai program pelancongan, termasuk penyediaan dan peningkatan kemudahan (Jabil et al, 2015). Penyediaan pelbagai kemudahan bukan sahaja dapat memenuhi permintaan pengunjung dan pelancong malah dapat meningkatkan imej sesuatu kawasan sebagai destinasi pelancongan Islam. Pembangunan infrastruktur merupakan faktor penting dalam menentukan aliran kemasukan pelancong dan perkembangan industri seterusnya. Tarikan seni bina Islam sahaja belum memadai untuk memikat hati pelancong kerana tarikan itu harus dilengkapi pula

dengan kemudahan pelancongan lain berserta infrastruktur yang baik. Kemudahan infrastruktur yang mencukupi, cekap dan berkesan akan memudahkan pergerakan pelancongan atau ketersampaian ke destinasi berkenaan. Kesukaran perjalanan akan menyekat keinginan pelancong untuk menikmati ciri tarikan pelancongan, termasuklah kemudahan penginapan dan makan minum yang berdekatan dengan tempat peranginan tersebut (Mathieson dan Wall, 1991).

Menurut Salasiah & Razaleigh (2010), pengusaha-pengusaha hotel dan tempat penginapan juga haruslah membudayakan nilai-nilai Islam di tempat persekitaran seperti mengawal adab dan kesopanan masyarakat Islam di kolam renang, galakkan masyarakat memakai pakaian yang menutup aurat. Adalah lebih baik juga jika sekiranya tempat mandi diasingkan mengikut jantina bagi masyarakat Muslim dan dikecualikan kepada masyarakat bukan Islam dan lain-lain lagi. Negeri Kelantan misalnya boleh dijadikan model yang mana mereka telah memperkenalkan produk pelancongan hotel berkonsepkan Islam yang mana yang mana hotel-hotel di Kelantan tidak dibenarkan mengadakan pusat-pusat disko, tidak ada perkhidmatan pelacuran, dan minuman keras kecuali hotel tersebut dikendalikan oleh golongan bukan Islam di tempat khas sahaja. Semua perkara ini harus diberi perhatian jika ingin menarik lebih ramai pelancong Islam mengunjungi negara ini.

Bukan sahaja dari aspek makanan halal perlu dititik beratkan namun aspek kebersihan juga perlu diutamakan, pengusaha premis perlu memastikan kebersihan di tempat-tempat penginapan, persekitaran, tempat-tempat rekreasi serta tandas. Di antara faktor lain yang perlu diambilkira bagi meningkatkan pemilihan destinasi pelancongan ke negara ini ialah, hotel boleh memberikan maklumat agama seperti lokasi waktu solat, kedudukan masjid berdekatan dan restoran halal berdekatan serta berakhlak Islam (Mohamed Battour et al. 2010).

Perkara lain yang perlu diberi penekanan adalah memperbanyakkan lagi hotel patuh syariah di Malaysia. Menurut Zakiah (2013), hotel patuh syariah adalah adalah hotel yang menyediakan perkhidmatan selaras dengan prinsip-prinsip syariah yang mana ia tidak hanya terhad untuk berkhidmat minuman makanan yang halal, tetapi lebih daripada itu iaitu memastikan keseluruhan operasi di seluruh hotel beroperasi di mengikut prinsip-prinsip Syariah. Antara contohnya ialah, pemilik hotel mesti menyumbang sebahagian hasil untuk Zakat di samping memberi penekanan kepada kebersihan.

Berdasarkan kajian Zakiah dan Noorsalwati (2012), apa yang menjadi permasalahannya setakat ini tidak ada garis panduan lagi yang diperuntukkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menentukan garis panduan Hotel Patuh syariah. Seharusnya JAKIMewartakan garis panduan undang-undang atau standard yang dikawal selia kepada pemilik hotel untuk membolehkan mereka mematuhi sepenuhnya keperluan Hotel Patuh Syariah secara keseluruhan yang meliputi keseluruhan premis semasa memohon persijilan halal. Kebanyakan hotel hanya mempunyai satu garis panduan halal dan sijil pada makanan dan minuman tetapi tidak meliputi seluruh premis dan pengurusan.

Menurut Zakiah (2012), terdapat beberapa ciri asas Hotel Patuh Syariah, iaitu:

- 1) Dapur perlu Halal yang mana makanan halal dan tidak halal tidak boleh dimasak bersama-sama dalam dapur yang sama dan dengan peralatan yang sama
- 2) Mempunyai Kitab al-Quran, sejadah dan anak panah yang menunjukkan arah kiblat
- 3) Kedudukan katil dan tandas yang tidak menghadapi kiblat.
- 4) Terdapat keratan doa di bilik dan di sekitar premis hotel.

- 5) Kakitangan hotel yang menutup aurat
- 6) Pengasingan bilik mandi /lantai bagi pasangan yang belum berkahwin di antara wanita lelaki.
- 7) Pelancong yang berpakaian menutup aurat
- 8) Tidak ada perjudian dan alkohol minuman di lobi hotel atau restoran
- 9) Tidak ada makanan dan minuman yang diharamkan

Isu pencemaran alam sekitar turut menjadi penghalang kepada pembangunan industri pelancongan di Malaysia. Alam sekitar merupakan elemen yang penting dalam industri pelancongan negara kerana kebanyakan pelancong akan mengunjungi negara ini disebabkan oleh keindahan alam semula jadinya. Pencemaran air, udara dan tanah yang berpunca daripada aktiviti pembangunan dan kerakusan sifat manusia boleh menjejaskan aktiviti dan promosi pelancongan yang diusahakan oleh pihak kerajaan dan swasta. Sebagai contoh, aktiviti pembalakan haram di hutan simpan telah menjejaskan aktiviti ekopelancongan negara. Tidak bermaknalah jika negara mempunyai banyak keindahan alam yang boleh dikunjungi tetapi berlakunya pencemaran tersebut yang mencacatkan keindahan tersebut secara langsung memberi imej yang negatif kepada negara.

Bagi penganut dan pelancong beragama Islam, alam sekitar merupakan ciptaan Allah SWT yang perlu dipelihara keindahannya. Al-Quran dan sunnah memberikan penekanan yang serius mengenai penjagaan alam sekitar. Kedua-dua sumber perundangan ini menyeru manusia untuk mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Tuhan yang agung. Sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab menjaga keharmonian dan keseimbangan alam dan bukannya mendominasi alam ini. Justeru, semua pihak perlu mengambil tanggungjawab masing-masing untuk menjaga kebersihan alam sekitar untuk menarik lebih ramai pelancong Islam dan menjaga imej negara. Tanggungjawab ini bukan sahaja perlu dipikul oleh pihak kerajaan atau pihak yang berkenaan sahaja bahkan seluruh masyarakat perlu mempunyai kesedaran tentang alam sekitar untuk kebaikan bersama.

Terdapat juga beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian yang serius bagi memastikan ketibaan pelancong ke Malaysia terus meningkat dan memberangsangkan. Antaranya ialah isu seperti insiden pelancong ditipu oleh pemandu teksi, masalah kebersihan gerai makan dan restoran, kelemahan sistem pengangkutan awam, harga tidak berpatutan dan seumpamanya. Aduan daripada pelancong mesti dilihat sebagai cara terbaik untuk memajukan industri pelancongan negara. Cabaran dalam merealisasikan pelancongan Islam juga dapat dilihat dalam konteks kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Inggeris selain daripada bahasa lain seperti Arab, Cina, Urdu dan sebagainya akan memberi kelebihan kerana ramai pelancong dari Timur Tengah dan Asia Barat berminat untuk melancong ke negara ini (Jabil et al, 2015).

Aspek keselamatan pelancong juga perlu dititikberatkan. Ini kerana kejayaan atau kegagalan sesebuah destinasi pelancongan adalah bergantung kepada kebolehan untuk menyediakan persekitaran yang selamat dan terjamin kepada pelancong, di mana aspek ini adalah lebih penting berbanding aktiviti ekonomi dan perkhidmatan yang lain. Keselamatan pelancong merupakan isu yang paling sensitif. Sebagai contoh, apabila terdapat pelancong diculik atau dibunuh, ia akan mendorong banyak negara meletakkan tanda amaran merah dan meminta rakyat mereka tidak melancong ke tempat berkenaan. Kejadian pencerobohan di Lahad Datu sebelum ini mendorong banyak negara meningkatkan tahap amaran ke peringkat jingga. Selepas mendapat jaminan keselamatan daripada Kementerian Luar dan Kementerian Pelancongan, mereka akhirnya menurunkan tahap amaran ke peringkat kelabu. Ini

membuktikan keselamatan pelancong merupakan antara aspek utama yang mempengaruhi kunjungan pelancong ke negara ini.

Dapatan Kajian

Menjelang tahun 2025, satu pertiga daripada penduduk dunia ialah dari kalangan umat Islam (Navid, 2012). Justeru, Al-Hamarneh dan Steiner (2004) menyarankan agar negara Islam terutamanya memfokuskan kepentingan pemasaran kepada pelancongan intra-Muslim sebagai sasaran pasaran dan destinasi pelancongan. Laporan Crescentrating pada 2015, mendapati pelancong Islam akan mencapai 98 juta pada 2020 manakala Laporan Thomson Reuters pula menyatakan pasaran dari pelancongan Muslim ini akan menjana pendapatan AS\$243 bilion (RM1.043 trilion) menjelang 2021 (Berita Harian, 29 September 2017). Ini perlu dimanfaatkan oleh Malaysia yang sememangnya menjadi antara 10 negara teratas penerima pelancong tertinggi dunia.

Umumnya, pelancong Muslim menginginkan perkhidmatan yang membolehkan mereka berjalan tanpa meninggalkan perintah Allah SWT. Justeru, Malaysia dengan segala sumber yang ada sangat berpotensi dan sewajarnya memperkembangkan pelancongan berteraskan Islam secara holistik walaupun wujud beberapa kekangan. Hal ini kerana, Malaysia menawarkan pelbagai tarikan untuk pelancong Islam berkunjung ke negara ini antaranya, mudah untuk mendapatkan produk makanan halal (Malaysia berjaya memenuhi keperluan pelancong Islam apabila menyediakan restoran halal melalui daging disembelih mengikut kehendak Islam), tersedianya kemudahan tempat beribadat (penyediaan tempat solat di lapangan terbang, pusat beli-belah dan hotel), pelancongan berasaskan kesihatan, kepelbagaian budaya dan warisan, aman serta kaya dengan sumber alam semula jadi, pulau dan pusat membeli-belah. Sebagai sebuah negara Islam, Malaysia berkongsi banyak persamaan seperti makanan dan budaya, oleh itu pelancong yang beragama Islam berasa selesa di sini.

Pelancongan Islam perlu diketengahkan di negara ini kerana ia dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada negara daripada aspek menjana ekonomi negara (Pada tahun 2010, sejumlah 320,000 pelancong dari Timur Tengah menjadikan Malaysia destinasi percutian mereka dengan perbelanjaan purata seorang sejumlah RM7,400 manakala pada tahun 2014 sejumlah RM2.2 juta direkodkan hasil perbelanjaan mereka di negara ini), merencanakan lagi pembangunan sosioekonomi malahan turut merangsang aktiviti ekonomi hiliran seperti pertanian, ekonomi berteraskan produk halal dan perkhidmatan.

Kesimpulan

Dengan jumlah kira-kira 1.6 bilion penduduk Islam daripada lebih 50 buah negara di dunia merupakan potensi pasaran yang sangat besar dalam industri pelancongan. Menurut statistik yang dilaporkan oleh Ekonomi Islam Global 2014/2015, pada tahun 2015 sahaja, umat Islam telah membelanjakan kira-kira USD140 bilion untuk perjalanan dan pelancongan. Ini membuktikan bahawa industri pelancongan Islam mampu menjana ekonomi negara. Di Malaysia, produk pelancongan Islam memang telah wujud sejak sekian lama, cuma ianya tidak dilabelkan atau dijenamakan sebagai pelancongan Islam kerana sifat pelancongan di negara ini adalah terbuka, tidak memfokuskan kepada golongan atau bangsa tertentu saja. Bagaimanapun, persepsi itu perlu diubah kerana jenama boleh menarik perhatian terutama bagi mereka yang mahukan produk khusus termasuk pakej pelancongan memenuhi cita rasa dan keperluan apabila bercuti di negara asing dengan merujuk kepada pelancongan Islam.

Justeru, strategi dan pemasaran produk pelancongan Islam harus diberi perhatian yang sewajarnya jika Malaysia ingin mengungguli sebagai negara teratas dalam menawarkan dan menarik pelancong menikmati produk berteraskan pelancongan Islam ke negara ini.

Bibliografi

Abdul Ghani Abu. 2013. Malaysia destinasi utama pelancongan Islam. Dewan Budaya, Mac hlm.10-15.

Al-Hamarneh. 2012. Islamic tourism: A long term strategy of tourist industries in the Arab world after 9/11? .<http://www.staff.uni-mainz.de/alhamarn/Islamic%20Tourism%20-%20paper%20for%20BRISMES%202004.htm>. dicapai pada 14 September 2018.

Azizan Marzuki. 2010. Tourism development in Malaysia. A review on federal government policies, *Journal Theoretical and Empirical Reseaches In Urban Management*, 5(8): 85-97.

Berita Harian, 26 Julai 2016. Malaysia diiktiraf destinasi terbaik pelancongan Islam.

Berita Harian, 29 September 2017. Rebut potensi ekonomi pelancongan Islam.

Din, H. 1989. Islam and tourism: Patterns, issues, and options, *Annal of Tourism Research*, 16, 542–563.

Laderlah, S. A., Rahman, S. A., Awang, K., & Man, Y. C. 2011. A Study on islamic tourism : A Malaysian experience, 2nd International Conference on Humanities, Historical and Social Sciences, 17, 184–189.

Lina Munirah Kamarudin dan Hairul Nizam Ismail. 2012. Membudayakan pelancongan Islam di Malaysia: Strategi dan isu. The 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia, 11 & 12 December 2012

Hashim, N. H., Murphy, J., & Hashim, N. M. 2007. Islam and online imagery on Malaysian tourist destination websites. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 12(3), 1082–1102.

Henderson, J. C. 2003. Managing tourism and Islam in Peninsular Malaysia. *Tourism Management*, 24(4), 447–456.

http://whc.hdcglobal.com/cms_hdcglobal/RMK11_Kertas_Strategi_18.pdf. Mentransformasi sektor perkhidmatan. UPE, Jabatan Perdana Menteri. Dicapai pada 14 Mac 2018.

Inskeep, E. 1996. *Perancangan pelancongan: Pendekatan pembangunan bersepadu dan berkekalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Jabil Mapjabil, Ratna Roshida Abd Razak, Mazdi Marzuki dan Rosmiza Mohd Zainol. 2015. Pelancongan Islam: Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia. *GEOGRAFIA Malaysia Journal of Society and Space*, 11(1): 172 – 182.

- Kadir Din. 1981. Islam and tourism: Patterns, issues and options. *Annals of Tourism Research*, 16(4), 542-563.
- Kim, K. 200). The effects of tourism impacts upon quality of life of residents in the community. PhD Thesis, Virginia Polytechnic Institute and State University, Blacksburg, Virginia (unpublished).
- Laporan Tahunan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. 2016. Bahagian Agropelancongan. Penerbit Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia, Putrajaya.
- Mohamed Battour, Mohd Nazari Ismail dan Moustafa Battor. 2010. The Impact of destination attributes on muslim tourist's choice. *International Journal of Tourism Research Int.* 10.1002/Jtr. 824
- Noor Shakirah Mat Akhir. 2010. Islamic tourism: A conceptual framework. Proceedings of Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010). Universiti Sains Malaysia, Penang. 2010.
- Norlida Hanim Mohd Salleh. 2016. Galakkan industri pelancongan agama. Utusan Malaysia, 4 November 2016.
- Okhovat, H. (2010) A study on religious tourism industry management: Case study of Islamic Republic of Iran. *International Journal of Academic Research*, 2(5): 302-307.
- Salasiah Hanin Hamjah dan Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2010. Pembudayaan nilai-nilai Islam dalam pelancongan. Dlm. Abd. Ghafar Don & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (pnyt.). Islam dan pelancongan: Isu dan cabaran, hlm. 103-122. Bangi: Jabatan Pengajian dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Shakiri, A. S. 2006. Islamic tourism, for whom? *Islamic Tourism Magazine*. Diakses dari www.islamictourism.com, 14 Mac 2018.
- Utusan Malaysia, 12 Oktober 2017. Malaysia menduduki tangga ke-12 sebagai negara paling banyak dikunjungi oleh pelancong dari seluruh dunia.
- Zakiah Samoria and Noorsalwati Sabtub. 2012. Developing halal standard for Malaysian Hotel. International Halal Conference, PWTC, Kuala Lumpur, Malaysia 4-5 September 2012.
- Zakiah Samori. 2013. Towards the formation of syariah compliant Hotel in Malaysia: An exploratory study on its opportunities and challenges. The WEI International Academic Conference Proceeding Istanbul Turkey.2013.